

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan manfaat semasa yang diterima rakyat melalui projek Wakaf Air yang telah digerakkan oleh pihak Kementerian sejak setahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wakaf Air yang dilancarkan pada 17 Disember 2020 merupakan inisiatif Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) untuk menyediakan sumber pembiayaan alternatif projek-projek perkhidmatan air secara mudah, cepat dan mampan melalui instrumen wakaf.

2. Wakaf Air adalah merupakan salah satu daripada strategi pembiayaan alternatif yang inovatif bagi membiayai projek-projek perkhidmatan air berskala kecil khususnya di luar bandar dan kawasan pedalaman yang tidak dapat dicapai oleh operator air. KASA dalam hubungan ini bekerjasama rapat dengan agensi-agensi yang berkaitan

SOALAN NO : 19

khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BAKAS, KKM) bagi mengenal pasti projek-projek yang berkenaan.

3. Sehingga 26 September 2021, sebanyak 447 buah rumah (merangkumi 2,940 isi rumah) telah mendapat manfaat dari projek Wakaf Air di mana sejumlah RM 266,486.00 dana telah dibelanjakan untuk menyiapkan 7 projek di pelbagai negeri. Manakala, sebanyak 11 projek di pelbagai negeri dalam peringkat pelaksanaan.

4. Sehingga 26 September 2021, sebanyak 15 permohonan baharu projek Wakaf Air diterima oleh Kementerian manakala berdasarkan rekod YWM, sehingga 19 September 2021, jumlah dana terkumpul mencecah RM3,202,016.28. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengajak ahli-ahli dewan yang mulia ini untuk turut sama menyumbang ke dalam tabung Wakaf Air ini. Sumbangan boleh dibuat ke akaun RHB Bank Islamic nombor 2124 57600 01304 atas nama Yayasan Waqaf Malaysia atau layari laman sesawang rasmi YWM www.ywm.gov.my/wakaf-air .

Sekian, terima kasih.